

Headline	<b>Pelajar UPM beri rawatan kesihatan percuma</b>	Language	<b>MALAY</b>
Date	<b>12. Jun 2008</b>	Page No	<b>B8</b>
Media Title	<b>Berita Harian</b>	Article Size	<b>119</b> cm2
Section	<b>Sentral</b>	Frequency	<b>Daily</b>
Circulation	<b>217920</b>	Color	<b>Full Color</b>
Readership	<b>2083000</b>		



## Pelajar UPM beri rawatan kesihatan percuma

**S**ERDANG: Seramai 110 pelajar Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) Universiti Putra Malaysia (UPM) akan memberikan khidmat pemeriksaan kesihatan percuma di Sekolah Kebangsaan Legong Ulu Rembau, Negeri Sembilan pada 13 hingga 15 Jun ini.

Pengarah Program Khidmat Masyarakat 2008 FPSK, Norhidayu Salimin, berkata dianggarkan 1,000 penduduk dari empat kampung di Dewan Undangan Negeri (Dun) Kota Parlimen Rembau bakal mendapat manfaat daripada projek terbabit.

"Seramai empat pakar perubatan dari FPSK yang diketuai Timbalan Dekan Bahagian Hal Ehwal Pelajarnya, Profesor Madya Dr Mohd Roslan Sulaiman turut menyertai kunjungan muhibah itu, selain memberikan khidmat kepada masyarakat setempat.

"Orang ramai diharap mengambil peluang ini kerana pemeriksaan klinikal yang akan dijalankan sepanjang tiga hari memabitkan ujian tekanan darah, glukosa, mata, perundangan kesihatan, ukuran tinggi dan berat badan ideal serta ujian sampingan lain," katanya.

Bagi melengkapkan lagi program supaya ia mampu meninggalkan kesan mendalam kepada penduduk, pameran kesihatan turut berlangsung iaitu ujian kencing manis, darah tinggi, penyakit jangkitan bawaan air dan jangkitan vektor serta demonstrasi pemeriksaan payu dara dan CPR.

Dalam usaha merapatkan hubungan dengan masyarakat setempat, pelajar yang terbabit dalam program ini turut menjadi anak angkat kepada 60 keluarga dari empat kampung iaitu Kampung Lenggong Ulu, Gadong, Batang Nyamor dan Semerbok.

Pengisian sepanjang tiga hari turut meliputi aktiviti gotong-royong membersihkan kediaman warga emas, taklimat ibadat untuk pesakit, pemeriksaan kebersihan dari rumah ke rumah, selain persembahan istimewa penduduk kampung dengan tarian cak lempung serta kesenian tradisional Negeri Sembilan pada malam kedua.

"Diharap aktiviti kemasyarakatan bersama penduduk luar bandar mampu mendedahkan pelajar perubatan UPM bukan hanya mempelajari teori, sebaliknya menggunakan semua ilmu yang diperolehi dari sudut praktikal dan mengeratkan hubungan dengan masyarakat," katanya.